

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (NUANSA)

TARIKH: 07 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: N34

F&N, MPSP ANJUR KEMPEN KITAR SEMULA

Fraser & Neave Holdings Bhd (F&NHB) bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menganjurkan Kempen Kitar Semula F&N & MPSP 2018 buat kali kedua tahun ini.

Kerjasama itu adalah untuk membantu MPSP mencapai sasaran 70 peratus kitar semula sisa buangan di bawah pengurusannya menjelang 2022.

Kempen pertama yang dianjurkan pada tahun lalu di Seberang Perai berjaya mengumpulkan sejumlah 54,090 kilogram bahan kitar semula daripada penyertaan 38 sekolah rendah dan menengah.

Menurut Yang Dipertua MPSP, Datuk Rozali Mohamad, penyertaan tahun ini bakal meningkat kerana kempen akan dibuka kepada prasekolah di bawah pentadbiran MPSP.

“Setakat ini, kami sudah mencapai kadar kitar semula sebanyak 42



peratus. Angka ini adalah yang paling tinggi di negara ini.

“Kami sangat gembira dengan pencapaian membanggakan ini. Ia mungkin tidak dapat dicapai tanpa kegigihan dan dedikasi peserta Kempen Kitar Semula F&N & MPSP

tahun lalu,” katanya kepada Nuansa.

Katanya, beliau berharap bilangan sekolah yang menyertai kempen tahun ini akan meningkat dan sekali gus mencapai sasaran 70 peratus dalam masa empat tahun.

Kempen Kitar Semula

F&N & MPSP 2018 yang berlangsung selama sembilan bulan itu bermula Januari lalu hingga 30 September ini.

Sementara itu Pengurus Hal Ehwal Korporat F&N, Cariessa Goh berkata, inisiatif itu adalah sebahagian daripada

komitmen berterusan syarikat terbabit dalam menyemaikan tabiat kitar semula dalam kalangan kanak-kanak sekolah.

“Kita yakin pendedahan awal ini dapat mendedahkan kanak-kanak sekolah berkenaan manfaat kitar semula dan secara tidak langsung mendidik mereka menjadi individu prihatin.

“Kempen kami berlandaskan falsafah 5R, iaitu ‘Reduce’ (Kurangkan), ‘Reuse’ (Guna Semula), ‘Recycle’ (Kitar Semula), ‘Rethink’ (Fikirkan Semula) dan ‘Recreate’ (Cipta Semula) yang bukan saja menggalakkan pelajar untuk mengitar semula tetapi juga merintis jalan yang inovatif menggunakan semula bahan buangan,” katanya.

Katanya, jika rakyat di negara ini membudayakan amalan kitar semula kesan jangka panjang akan dapat melestarikan alam sekitar.